

BAB 1.

PENDAHULUAN.

1.1. Latar Belakang Kajian.

Pengenalan.

Pantun sebagai salah satu genre asli kesusasteraan Melayu menjadi wahana bagi pengucapan di dalam pelbagai jurusan aktiviti kehidupan masyarakat Melayu. Pengucapan pantun akan menyentuh persoalan masyarakat, adat, agama, kasih sayang, nasihat dan lain-lain. Pantun amat popular di kalangan orang tua, muda-mudi mahupun kanak-kanak.

Wan Abdul Kadir Wan Yusuf (1996:91) menyatakan bahawa pantun lahir dan berkembang di dalam masyarakat Melayu yang buta huruf dan sebagai warisan tradisi lisan, penciptaan pantun dilakukan dengan rapi sehingga dapat menghasilkan susunan kata-kata yang indah dan menarik. Nilai-nilai keindahan dalam pantun dapat dihayati oleh segenap lapisan anggota masyarakat, dan dengan itulah meletakkan pantun itu sebagai tradisi budaya yang dapat dianggap amat popular dan tahan diuji sepanjang zaman.

Dalam bahagian pengenalan ini penulis ingin menjelaskan pengaruh Islam di dalam kesusasteraan Melayu tradisional. Hal ini dianggap wajar kerana kajian yang akan dilakukan terhadap genre pantun Melayu yang dipilih sebagai bahan kajian untuk tujuan analisis itu adalah jenis pantun yang bertema atau

berunsurkan agama. Pantun yang bertema atau berunsur agama ini terhasil setelah masyarakat Melayu menerima Islam sebagai agama dan agama Islam itulah sebagai cara hidup mereka.

G.E. Marrison (1951: 31-36) menjelaskan bahawa kedatangan Islam yang terawal ke alam Melayu (Pasai) berlaku pada tahun Masehi 1297 yang telah membawa bersama-sama satu bentuk *weltanschauung*, atau pandangan hidup bagi masyarakat Melayu. Menurut W.G. Shellabear (1978:55-56), kedatangan agama Islam ke Melaka, kira-kira abad ke 14 atau awal abad ke 15 sebagaimana tergambar dalam *Sejarah Melayu*, telah turut merubah sistem kehidupan masyarakat Melayu di Tanah Melayu.

Syed Naguib al-Attas (1968:3-5) menyatakan bahawa kedatangan Islam telah membetulkan akidah orang Melayu dengan mengesakan Allah (tauhid), falsafah keagamaan dan memalingkan masyarakat dari seni, mitos dan khayal kepada alam akal dan budi mengikut gaya yang teratur.

Syed Naguib al-Attas (1972:36) seterusnya menyatakan, setelah Islam bertapak, sastera Melayu yang banyak dipengaruhi Hindu itu mula diresapi unsur Islam dan semakin lama, pengaruh Islam semakin menebal pula dalam jiwa orang-orang Melayu. Oleh yang demikian tidak hairanlah, genre puisi Melayu tradisional juga mempunyai kesan yang sama, iaitu pengaruh Islam juga meresapi di dalam pantun Melayu .

Ahmad Kamal Abdullah (1981:xvii) menjelaskan bahawa pada zaman sebelum Islam, alam adalah sumber terdekat bagi mendapatkan bahan sehingga

dalam kesusasteraan berbentuk puisi memperlihatkan hakikat ini. Para dukun menggunakan bait-bait puisi dalam mantra yang dibaca bagi mengubat pesakit.

A. Samad Ahmad (1966:3) menyatakan bahawa melalui mantra atau jampi yang kadang-kadang sukar difahami orang biasa, dipopularkan bentuk puisi Melayu lama seperti pantun, pepatah, seloka dan peribahasa. Puisi-puisi ini berkembang dari satu generasi ke generasi lain dan dari satu zaman ke satu zaman sehingga mengalami proses-proses perubahan, penyesuaian dan fungsi khususnya pada zaman bertapaknya Islam di alam Melayu.

Ismail Hamid (1982:18) pula menyatakan dalam membicarakan puisi Islam dalam erti kata yang murni acapkali pengkaji-pengkaji sastera mengambil sumber dari al-Quran dan al-Sunnah. Ini tidak terkecuali terutama ketika menyingkap latar puisi pra-Islam mahupun sesudah Islam. Seperti yang diperkatakan oleh sebilangan pengkaji, puisi merupakan genre yang tertua dan paling popular.

Di sini pengkaji tidak bermaksud untuk membicarakan tentang sastera Islam tetapi hanya sekadar ingin menjelaskan bahawa pantun Melayu yang bertema atau berunsur agama itu terhasil setelah kedatangan Islam di alam Melayu. Sebagai orang Islam, sudah pastinya, al-Quran dan al-Hadith merupakan sumber utama pengarang yang ingin mencipta pantun ke arah kebenaran seperti yang dinyatakan sebelum ini.

V.I. Braginsky (1998: 553) mengulas:

“ ...adanya interteks sastera memberikan pengarang Melayu bahan-bahan untuk membangun karya-karyanya, serta

memungkinkan mereka berkat merekombinasi unsur-unsur sastra. Pemasangannya secara baru, dan transformasinya menyatakan makna yang dimaksud, sambil menggunakan alusi-alusi, isyarat, polemik sastra, dan lain-lain. Sementara itu interteks, yang dikenal pengarang dan juga pembaca, menjamin dapat difahaminya makna karya-karya sastra yang masing-masing khusus dan terkadang luar biasa itu. Interteks menanggung penyesuaian, di satu pihak, di antara rencana kreatif si pengarang dengan makna dan struktur karya yang digubahnya: dan di pihak lain, antara ekspektasi atau harapan-harapan para pembaca atau pendengar”.


Di sini nyatalah bahawa para pengarang Melayu yang mencipta pantun itu telah mengambil alam, al-Quran serta al-Hadith sebagai sumber dalam komponen penciptaan pantun yang bertema atau berunsurkan agama yang akan dikaji ini. Sumber-sumber tersebut sebagai ilham dan dengan menggunakan daya kreativiti yang ada mereka telah berjaya mencipta rangkap-rangkap pantun yang indah dan bermakna serta mempunyai nilai falsafah yang tinggi. Di sebalik itu pantun Melayu berfungsi sebagai media dakwah sama ada secara disadari atau tidak oleh pengarang tersebut.

Konsep hubungan dengan Tuhan, hubungan dengan manusia dan hubungan dengan alam dikonsepsikan melalui pantun Melayu sehinggakan genre puisi ini tidak jemu-jemu dikaji oleh para sarjana.

Ali Ahmad (2002:5) menyatakan bahawa tidak hairanlah tema dan persoalan serta mesej pantun dapat dikembangkan dalam pelbagai jenis itu mengarah kepada binaan sahsiah dan peribadi manusia membina moral dan agama yang mulia. Menurutnya lagi, persoalan agama mengarah kepada binaan kehidupan yang bersifat kerohanian yang menjurus ke alam akhirat, misalnya, pantun-pantun yang terarah kepada hukum-hakam, tauhid, feqah, amalan

syariat, rukun iman, rukun Islam adalah merupakan bekal yang bersifat kerohanian. Pantun yang bertemakan moral atau akhlak pula terarah kepada penjiwaan sahsiah, binaan peribadi yang terbina daripada aturan budi, nilai-nilai murni, sebagai alatan membentuk kecemerlangan hidup di dunia sementara tetapi masih menyumbang kepada kesempurnaan hidup di alam kekal. Sila lihat rajah di bawah:


Rajah 1. Sumber utama penciptaan pantun yang bertemakan agama.



Rajah 1 ini menerangkan bahawa teks pantun yang bertema agama itu adalah bersumberkan al-Quran dan al-hadith. Segala pengajaran yang dikutip

oleh pengarang telah dijadikan komponen maksud pantun sementara sumber alam pula dijadikan komponen pembayang bagi rangkap-rangkap pantun yang dicipta itu.

Rajah 2. Pantun sebagai media dakwah.



Rajah 2 ini, menunjukkan bahawa seorang muslim adalah berkewajipan untuk menyampaikan mesej agama kepada manusia, sama ada kepada kaum keluarga, sanak saudara atau masyarakat dengan kadar semampunya. Oleh yang demikian sebagai seniman muslim, hal sedemikian juga tidak terkecuali kerana berdakwah itu adalah tuntutan agama.

Firman Allah swt. yang bermaksud:

"...berwasiat untuk ibu bapak dan karib kerabatnya secara ma'ruf,
(ini adalah) kewajipan atas orang-orang yang bertakwa".
(2:180)

Zainal Kling (2001:4-5), pula berpendapat bahawa penelitian akan segera memaparkan betapa dimensi liputan pantun itu menjangkau alam simbolis yang amat luas pada alam semesta dengan ketuhanan serta kenabian dan turun ke dalam alam nyata dan masuk ke jiwa manusia untuk membayangkan ketakwaan, keinsafan, keinginan, kecintaan, kasih sayang, kesedihan serta pilu rasa hati manusia.

Di sini dapat menjelaskan bahawa jiwa nurani manusia Melayu sentiasa berinteraksi sehingga berdaya menghasilkan pemikiran yang kreatif serta bermanfaat untuk bangsanya. Bukan sekadar bermotifkan hiburan malah ia lebih fungsional dalam membina sahsiah Melayu. Sekadar contoh: Pantun agama, *Kurik Kundi Merah Saga, 1990: Kumpulan Pantun Lisan Melayu.*

Belahnya belum bunyinya malam,
Bunyinya di darat rumah penghulu;
Allah belum menjadikan alam,
Barang bersurat dari dahulu.
(KKMS:314)

Berapa lebat buah rembia,
Lebat lagi buah pegaga;
Betapa hebat pakaian dunia,
Hebat lagi pakaian syurga.
(KKMS: 314)

Anak ayam turun tujuh,
Satu mati tinggal enam;
Minta jauh neraka tujuh,
Minta doa tetapkan iman.
(KKMS: 393)

Tudung saji pasak ke timah,
Buat penudung buah;
Naik haji Mekah-Madinah,
Nak buang segala dosa.
(KKMS: 557)

1.2. Permasalahan Kajian.

Kajian ini ingin membicarakan genre puisi tradisional, iaitu pantun Melayu sebagai hasil sastra Melayu yang diletakkan dalam kategori karya agung atau karya utama. Hal sedemikian ditegaskan kerana genre pantun Melayu masih segar hingga sekarang sebagai bahan kajian dan rujukan.

Oleh yang demikian, pengkaji ingin membuktikan secara jelas bahawa genre puisi ini tergolong dalam kategori karya agung tersebut apabila kajiannya nanti berjaya memperlihatkan pantun Melayu menepati ciri-ciri konsep karya agung.

Demikian juga halnya, iaitu pengkaji cuba menyelami pemikiran orang Melayu tradisi yang juga menjadi landasan pemikiran orang Melayu zaman moden ini. Di sini juga nanti, terpancar 'world view' orang Melayu yang boleh dijadikan landasan kajian tentang wawasan kehidupan bangsa Melayu.

Di samping itu, pemanfaatan unsur-unsur di alam Melayu itu dapat dikonsepsikan sedemikian rupa dan bagaimana proses ini boleh berlaku. Sebagai puisi lisan, dilihat begitu komunikatif di dalam masyarakatnya dan mengapa terjadi sedemikian.

Genre puisi lisan yang masih kekal hingga hari ini tanpa banyak berlaku perubahan dan diamalkan oleh penglipur lara misalnya, walaupun orang yang berlainan tetapi bentuk pantunnya serupa dari satu generasi ke satu generasi adalah sesuatu yang unik. Fenomena ini perlukan kajian, iaitu mengapa sedemikian ? Jawapan ini juga perlu dicari.

Selain itu, idea pengarang dan kepengarangannya dalam pantun Melayu dan amalan harian masyarakat Melayu sehingga kini juga dijangka dapat ditemui melalui pemahaman pantun terutamanya pantun yang bertemakan agama.

Kepengarangan puisi tradisional ini pula dapat dilihat mengikut peraturan tertentu dan pengkaji ingin melihat kebenaran bahawa keadaan ini mencerminkan kehidupan masyarakat Melayu tradisi yang patuh kepada peraturan di dalam sistem kehidupan mereka.

Apa yang paling penting dalam kajian ini adalah ingin melihat sejauh mana teks-teks luaran berjaya dimanfaatkan oleh pengarang untuk tujuan berkarya. Maksudnya ingin melihat proses evolusi pengaruh dalam masyarakat Melayu, dari zaman animisme, Hindu-Buddha, Islam dan alaf baru ini yang sudah pastinya berlakunya pengambilan, penolakan dan pengubahsuaian mengikut kesesuaian pegangan hidup mereka. Pengkaji lebih menumpukan pantun tentang keagamaan atau unsur-unsur Islam dalam kajian ini.

Ini bermakna bahawa kajian tersebut tidaklah hanya tertumpu kepada bentuk pantun nasihat atau pantun kategori 'orang tua ' sahaja tetapi mana-mana jenis pantun yang mempunyai unsur-unsur agama akan dijadikan bahan kajian. Pengkaji ingin mendedahkan kepada khalayak bahawa pemikiran orang Melayu amat sinonim terhadap Islam. Cerminan minda dunia Melayu adalah merupakan suatu bentuk pemikiran yang suci dan ikhlas serta beramanah khususnya kepada syariat Allah s.w.t.

Melalui kajian yang dengan sejelas mungkin akan menunjukkan bahawa setelah orang Melayu menerima Islam sebagai cara hidup, hasil penciptaan puisi

Melayu tradisional ini oleh seniman adalah berlandaskan al-Quran, al-Hadith, kitab-kitab mukthabar oleh para ulama' dan bukannya lahir daripada ilham kosong tanpa hakikat.

Dunia tradisional Melayu sudah menampakkan kematangan pemikiran yang pelbagai dan kita sewajarnya berbangga dengan fenomena tersebut sebagai suatu pembuktian saintifik setanding dengan bangsa-bangsa lain di dunia ini.

Selain itu, idea pengarang dan kepengarangannya dalam pantun Melayu dan amalan harian masyarakat Melayu sehingga kini juga dijangka dapat ditemui melalui pemahaman pantun terutamanya pantun yang bertemakan agama.

Di samping itu, pemahaman kita terhadap genre ini tidak boleh dinafikan. Demikian juga dengan pemahaman kita terhadap struktur dalaman dan luaran pantun serta pemikiran seniman Melayu yang tiada batas umur serta kategorinya yang juga dianggap sebagai wakil masyarakat Melayu pada zamannya..

Begitu banyak teori sastera boleh digunakan untuk dijadikan kajian terhadap kesusasteraan Melayu supaya dunia sastera Melayu terus dimartabatkan di mata dunia.

Bertolak dari premis tersebut, pengkaji merasakan bahawa cadangan penyelidikan tajuk disertasi yang disyorkan ini dianggap sesuai serta menarik untuk dikaji. Kewajaran dan kesesuaian ini dapat dilihat pada kajian Julia Kristeva yang menerapkan teori Bakhtin untuk menganalisis puisi. Julia Kristeva menggugurkan istilah 'dialogika' dan menggantikannya dengan perkataan

'intertekstualiti' yang memberi maksud bahawa ' dalam sesebuah teks terdapat beberapa buah teks'(Mana Sikana, 1994:xiii).

Kristeva berpendapat bahawa setiap teks terjalin hasil daripada kutipan, peresapan dan transformasi daripada teks-teks lain. Ini dapat diperjelaskan bahawa seniman Melayu sentiasa berdialog dengan aspek luaran itu telah dapat mencetuskan idea untuk berkarya dan dipadukan dengan unsur-unsur dalaman, iaitu unsur-unsur struktur pantun seperti tema, pemikiran, gaya bahasa dan lainnya (Mana Sikana, 1994: xiv).

Menurut Gayle dan Kohm (1985:64-65), sesebuah teks yang dihasilkan oleh seseorang pengarang tidak akan terlepas daripada didampingi teks-teks yang lain. Sewaktu pengarang berkarya akan muncul pula teks-teks luaran untuk menjadi sebahagian daripada isi karya yang sedang dihasilkannya. Sama ada secara sedar atau sebaliknya, unsur-unsur luaran itu meresap dan mendampingi diri pengarang.

Semakin banyak teks luaran yang masuk ke dalam sesebuah karya sastera, semakin luas perspektif dan horizon pemikiran pengarang. Hal ini terjadi apabila pembaca mengalami dan menghayati bahan yang dibacanya dan dalam mengalami proses penghayatan itu, akan timbul unsur-unsur intertekstualiti. Semua itu akan mempengaruhi jiwa pengarang dalam karya yang dihasilkannya.

'Vraisemblable' adalah istilah yang seringkali dikaitkan dengan intertekstualiti, iaitu bagaimana dunia imaginasi dan kreativiti pengarang dihubungkan dengan dunia realiti. Tegasnya, dunia realiti (teks luaran) boleh

membantu dalam memberikan makna serta memperkuat pengertian yang hendak disampaikan oleh pengarang.

Kita hanya dinyatakan secara rambang bagaimana berlaku proses penciptaan pantun Melayu, terutama unsur-unsur yang mempengaruhi pengkarya untuk berkarya. Persoalan mengapa kepengarangannya begitu menarik bukan sahaja dari aspek pembayang malah maksudnya. Bagaimana timbul idea pengarang untuk memuatkan maksud tersurat dan tersirat di dalam serangkap pantun itu ? Permasalahan ini menarik untuk dikaji untuk tujuan membongkar rahsiannya.

Hal ini sama ada disedari atau tidak oleh pengarangnya tidaklah menjadi soal pokok kerana hal tersebut berlaku dalam apa-apa jua proses penghasilan karya sastera. Proses interteks tersebutlah menjadi bahan komponen seniman Melayu dalam menghasilkan karya.

Kepentingan pantun Melayu sebagai dokumen sosio-budaya masyarakat Melayu ini dipertegas oleh pandangan Winstedt (1961:iii) dengan menyatakan bahawa, "... seseorang itu tidak akan dapat menduga aliran fikiran orang-orang Melayu, kalau tidak memahami pantunnya".

Kenyataan tersebut menggambarkan bahawa pantun harus difahami terlebih dahulu jika seseorang itu berminat untuk mengetahui pemikiran orang Melayu. Atas sebab inilah pengkaji ingin menduga fikiran orang Melayu, iaitu dari aspek keagamaan.

Dengan kata lain, pantun dapat dijadikan cerminan untuk memahami pemikiran dan tatacara hidup orang Melayu.

1.3 Tujuan Kajian.

Pengaplikasian teori intertekstualiti terhadap pantun Melayu masih belum ditemui. Jadi, langkah melaksanakan kajian ini mungkin dapat mevariasikan kajian pantun Melayu sebagai genre puisi Melayu tradisi ke tahap yang lebih tinggi.

Melalui kajian terdahulu, kajian tentang genre pantun Melayu sebelum kebanyakannya bersifat terlalu umum, antaranya, kajian tentang sejarah pantun dan penyebarannya, jenis-jenis pantun, pengumpulan pantun dari pelbagai etnik Melayu, struktur pantun sama ada dari aspek tema, gaya bahasa, sukukata, perkataan, baris, rima serta rangkap pantun Melayu.

Di sini pengkaji ingin melakukan kajian pantun Melayu dengan menggunakan teori Intertekstualiti. Pengkaji melihat adalah sesuatu yang mungkin dapat dibanggakan dengan kajian tersebut kerana teori moden dapat digunakan dalam kajian puisi Melayu lama, iaitu genre pantun.

Kewajaran dan kesesuaiannya mungkin dapat dilihat dengan jelas apabila mengaplikasikan pantun dengan teori intertekstualiti. Dalam pantun yang bertemakan keagamaan ini, pengkaji ingin mengesan sejauhmana karya pantun Melayu ada kaitan yang kuat dengan al-Quran dan al-Hadith yang menjadi sumber penting kepada para pengkaryanya dalam kepengarangannya.

1. Melalui kajian ini juga kita mungkin akan dapat melihat sejauhmana pengarang pantun memanfaatkan pengalamannya itu ketika berkarya hinggan

pantun yang terhasil begitu mantap dan dapat disambut oleh khalayak pembaca atau pendengar terutamanya pengajaran yang sarat berlandaskan kehendak agama.

2. Sejauh mana daya kreativiti pengarang Melayu dalam menghasilkan karya yang bermutu apatah lagi seniman Melayu pada zaman silam yang tidak mendapat pendidikan secara formal.

3. Bahawa penciptaan pantun Melayu itu adalah hasil pengetahuan seniman Melayu sama ada yang diperolehi daripada pembacaan, pengalaman atau pemerhatian telah berjaya mencetus idea dan ilham untuk berkarya. Ini bermakna dalam teks puisi tradisional ini mengandungi tek-tek lainnya yang di dalam kajian kesusasteraan wujudnya intertekstualiti dalam pantun Melayu.

4. Di samping itu, membuktikan bahawa kandungan maksud di dalam pantun Melayu mempunyai maksud tersurat dan tersirat yang dapat menonjolkan daya keintelektualan Melayu. Kajian ini menyerlahkan falsafah pantun yang tinggi nilainya dan telah menjadi panduan di dalam kehidupan masyarakat Melayu.

5. Peranan seniman Melayu sebagai pendakwah secara tidak langsung yang mampu menjadikan pantun sebagai media dakwah. Demikian juga pembuktian terhadap seniman Melayu yang merupakan seniman yang berakhlak, beramanah

serta bertakwa. Daya keintelektualan mereka dipergunakan pada tempat yang sewajarnya, iaitu untuk tujuan pembangunan sahsiah manusia kamil.

6. Kajian ini juga akan membuktikan bahawa teori intertekstualiti yang diperkenalkan oleh Kristeva, (1980:66), '*any text is constructed as a mosaic of quotations; any text is the absorption and transformations of another*', mampu diaplikasikan terhadap karya Melayu tradisional, khususnya di sini genre pantun Melayu. Maksudnya, kajian memungkinkan penemuan memuaskan apabila menganalisis karya tradisional dengan menggunakan teori sastera moden.

7. Kajian ini akan dapat menemukan keabsahan dan kesahihannya, iaitu pantun Melayu itu dicipta melalui pengalaman, pengetahuan, pembacaan atau pemerhatian seniman Melayu.

8. Pengkaji ingin melihat bahawa dengan pengaplikasian teori Intertekstualiti dalam kajian ini sama ada dapat kita lihat dengan jelas dan dipertanggungjawabkan tentang kehadiran teks-teks luaran yang mendominasi pengkaryaan pantun Melayu.

Seperkara lagi, kajian terhadap karya sastera tradisional Melayu ini perlu berterusan supaya dapat menghasilkan penemuan-penemuan baru yang dapat memperkayakan dunia kesusasteraan Melayu.

1.4. Kajian Terdahulu.

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini bahawa kajian tentang pantun Melayu telah banyak dilakukan oleh sarjana Barat mahupun tempatan. Kebanyakan kajian serta latihan ilmiah adalah umum sifatnya. Tulisan-tulisan tentang pantun Melayu lebih tertumpu kepada pengumpulan pantun Melayu termasuk daripada kumpulan pantun dari etnik Melayu nusantara.

Para sarjana juga banyak menulis tentang sejarah pantun, jenis-jenis pantun, fungsi pantun, struktur pantun sama ada dari aspek tema, baris, ayat, jumlah perkataan, jumlah sukukata, rima serta membicarakan aspek pembayang dan maksud dalam sesebuah rangkap pantun itu.

Antaranya yang dapat dikutip adalah seperti berikut:

- i. Darus Ahmad, 1960. *Alam Puisi Melayu*, Pulau Pinang: Sinaran Bros Limited.
- ii. Mohd Yusof Nor & A. Rahman Kaeh, 1985. *Puisi Melayu Tradisi*, Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- iii. Omardin Hj.Ashari, 1961. *Kajian Pantun Melayu*, Singapura: Malaya Publishing House.
- iv. Winstedt R.O. dan R.J. Wilkinson (peny) 1961. *Pantun Melayu*. Singapura: Malaya Publishing House.
- v. Mohd Yusuf Arsyad, 1961, *Pantun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- vi. Phon Mun Kwang, 1967, *Penyelidikan Tentang Kedudukan Pantun Melayu dalam Kesusasteraan Lama Melayu*: University of Singapore Chinese Society Journal.
- vii. Francois-Rene Daillie, 1988, *Alam Pantun Melayu. Studies on The Malay Pantun*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- viii. Zainal Abidin Bakar, 1984, *Kumpulan Pantun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- ix. *Kurik Kundi Merah Saga*, 1990. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tulisan yang lebih ilmiah tentang pantun Melayu pula dapat ditemui melalui tulisan beberapa orang intelektual Melayu, antaranya buku Muhammad Haji Salleh, terbitan Fajar Bakti pada tahun 1980 yang bertajuk *Estetika Pantun Melayu*. Beliau telah menulis tentang estetika pantun serta pemikiran yang terdapat di dalam pantun Melayu. Nilai estetika yang dibicarakan itu banyak dikupas dari aspek keindahan bahasa dalam pantun Melayu dan diacukan dengan keindahan pemikiran Melayu.

Seterusnya Muhammad Hj. Salleh telah menulis buku *Puitika Sastera Melayu*, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2000. Beliau mengupas secara menyeluruh untuk melihat konsep dan prinsip dasar yang menjadi landasan kepada pemikiran dan penciptaan sastera Melayu. Beliau telah memasuki daerah konsep teks, genre, pengarang, bahasa, estetika dan khalayak sastera Melayu seperti yang menjelma dalam karya-karya lisan dan tulisan termasuk genre pantun Melayu.

Harun Mat Piah, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1989 pula dalam bukunya, *Puisi Melayu Tradisional – Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi* membincangkan genre dan fungsi puisi tradisional Melayu secara menyeluruh dan terperinci termasuk genre pantun Melayu. Beliau telah menulis beberapa persoalan tentang pantun, iaitu etimologi dan erti perkataan pantun, asal-usul penciptaan pantun, zaman terciptanya pantun serta hubungan syarat-

ibarat dalam sesuatu untai pantun. Di samping itu, beliau membicarakan ciri-ciri pantun Melayu, unsur-unsur dalaman, bentuk dan struktur serta fungsi dan penyebarannya.

Mutakhir ini pula, Harun Mat Piah dalam buku *Pantun Melayu-Bingkisan Permata* terbitan Yayasan Karyawan Malaysia (2001), telah mengumpulkan koleksi pantun Melayu sebanyak empat ribu rangkap. Pantun Melayu sebagai karya agung terpilih adalah berdasarkan tanggapan umum masyarakat Melayu terhadap apa yang dianggap sebagai pantun yang baik, yang indah dan berkesan; dan bersesuaian dengan konsep estetika dan etika puisi Melayu yang menekankan unsur indah, berfaedah dan kamal (sempurna).

Temanya meliputi seluruh pengalaman hidup manusia di alam Melayu yang disampaikan dalam pelbagai cara dan pelbagai bentuk, iaitu sama ada senda gurau, nasihat, teguran, sindiran dan sebagainya. Pembaca koleksi ini dipermudahkan untuk tujuan rujukan kerana disediakan tiga jenis indeks: Indeks Baris Pertama, Indeks Maksud, dan Indeks Kata Rujuk.

Alisjahbana, S.T. dalam buku *Puisi Lama*, terbitan Zaman Baru Ltd pada tahun 1971 membicarakan genre pantun, syair, gurindam dan bahasa berirama. Bahagian pendahuluan beliau menyatakan bahawa genre puisi tradisional yang dihasilkan itu termasuk pantun adalah gambaran kehidupan masyarakat Melayu lama yang hidup dalam ikatan yang kukuh seperti ikatan dalam puisi Melayu lama yang dicipta mengikut peraturan-peraturan tertentu, misalnya rangkap, jumlah baris, sukukata, baris serta rima.

Bagi Alisjahbana, struktur puisi lama itu mempunyai falsafah tersirat tentang kehidupan masyarakat Melayu lama. Tegasnya, puisi Melayu lama adalah pancaran hidup masyarakat Melayu zaman silam.

Wan Kadir Wan Yusuf, yang menyelenggarakan buku *Pantun – Manifestasi Minda Masyarakat*, terbitan Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya pada tahun 1996 memuatkan tulisan makalah para sarjana tempatan yang membicarakan pantun Melayu dari pelbagai aspek.

Antaranya, tulisan Mohd Taib Osman, "Pantun Sebagai Pencerminan Minda Melayu", Nik Safiah Karim, "Pantun Melayu: Satu Garapan Struktur Ayat", Norazit Selat dan Zainal Abidin Borhan, "Pantun Budi: Satu Analisis Nilai", Ong Hak Ching, "Pantun Cina Peranakan Dalam Bahasa Melayu: Satu Penelitian Awal", Siti Aishah Mat Ali, "Pantun-Pantun Melayu Dalam Cerita Lipur Lara Melayu: Satu Penelitian Awal", Wan Abdul Kadir Yusuf dan Ku Zam Zam Ku Idris, "Seni Budaya Dalam Kreativiti Pantun", Muhammad Hj. Salleh, "Perayaan Metafora: Kias dan Ibarat Di Pentas Pantun", Harun Mat Piah, "Realiti Dan Kreativiti Pantun Melayu", Mohd Ramli Raman, "Pantun Dalam Seni Persembahan Melayu", Zakiah Hanum Hj. Abd. Hamid, "Pemantun Memamtun Pemantun", Anwar Ridhwan, "Pantun Melayu Sebelum 1914: Gambaran Alam Semenanjung Dalam Koleksi Hans Overbeck" dan Wan Yusuf Hassan, "Pantun Melayu: Manifestasi Keceriaan Dan Kepupusan Penuturnya".

Kajian pantun Melayu dengan menggunakan sesebuah teori atau pendekatan masih belum dikemukakan. Namun begitu, kajian dengan menggunakan teori Intertekstualiti pada karya tradisional Melayu telah dilakukan

walaupun amat kurang jumlahnya tetapi amat berfaedah kerana dapat dijadikan panduan dan rujukan oleh para pengkaji selepasnya.

Antara yang dapat dikesan adalah tulisan Umar Junus, terbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd pada tahun 1984 yang bertajuk *Sejarah Melayu Menemukan Diri Kembali*. Beliau telah cuba mengacukan teori sastera moden, iaitu teori 'intertekstualiti' terhadap teks sastera Melayu lama, *Sejarah Melayu* dan hasilnya amat membanggakan.

Para sarjana barat, iaitu dalam penyelidikan sastera, terus-menerus mengaplikasikan teori-teori tertentu sebagai bahan kajian terhadap teks-teks klasik mahupun moden di serata dunia. Hal ini bermanfaat dalam bidang kesusasteraan kerana mereka berjaya membuktikan kekukuhan teori atau pendekatan yang digunakan.

Demikian juga dengan 'intertekstualiti' dalam dalam kajian Umar Junus itu, dapat dilihat bagaimana perhubungan suatu teks dengan pelbagai teks yang lain, sehingga terlihat ada perubahan dan penentangan. Dalam penelitian hubungan teks *Sejarah Melayu* dengan pelbagai teks yang lain telah berjaya merangkumi beberapa persoalan, iaitu: Bagaimana suatu teks diperlakukan dalam suatu teks yang lain, sama ada diambil begitu sahaja, digunakan sebagai pola, dirubah atau mungkin ditentang, kenapa suatu teks dimasukkan ke dalam suatu teks lain dan kenapa diperlakukan dengan cara tertentu dan kita didedahkan kemungkinan mengetahui bagaimana interaksi antara pelbagai teks dalam dunia sastera lama kita, sehingga dapat melihat dunia sebagai sesuatu yang menyeluruh.

Beliau telah dapat menegaskan bahawa hakikat *Sejarah Melayu* yang memang menghimpunkan ke dalamnya pelbagai cerita dan di antara cerita-cerita itu ada yang menjadi sumber kepada teks lain.

Umar Junus (1984: 31-32) menyatakan dalam mukadimah *Sejarah Melayu* oleh Tun Seri Lanang ucapan seorang pembesar, iaitu:

“ Hamba dengar ada hikayat Melayu dibawa oleh orang dari Goa, barang kita perbaiki kiranya dengan istiadatnya, supaya diketahui oleh segala anak cucu kita yang kemudian daripada kita, dan boleh diingatkannya oleh segala mereka itu, syahdan adalah beroleh faedah ia daripadanya”.

Menurut Umar Junus, ada teks yang lebih awal atau penulisnya menyuruh kita beranggapan demikian. Ini telah diperbaiki dan disesuaikan dengan tujuan tertentu dan dengan jelas menunjukkan hakikat intertekstualiti.

Abdul Rahman Napiah (Mana Sikana), *Tuah-Jebat Dalam Drama Melayu: Satu Kajian Intertekstualiti* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1994 telah melakukan kajian terhadap skrip drama bercetak *Tuah-Jebat* yang dihasilkan oleh dramatis. Antaranya, ialah *Hang Tuah Pahlawan Melayu* karya Ali Aziz, *Matinya Seorang Pahlawan* karya Usman Awang, *Jebat* karya Dinsman, *Kotaku oh Kotaku* karya Johan Jaafar dan *Jebat* karya Hatta Azad Khan dengan menggunakan teori intertekstualiti sebagai landasan.

Menurut beliau beberapa unsur, prinsip dan manifestasi intertekstualiti dapat dikesan dalam setiap buah drama *Tuah-Jebat* itu. Antaranya, ialah berlaku transformasi, modifikasi, demitifikasi, haplologi, ekspansi, ekserp dan sebagainya.

Kajian latihan ilmiah lainnya yang dapat dikesan ialah berupa Kertas Projek Sarjana di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya oleh Amkamaran a/l Amirthalingam yang bertajuk, *Hikayat Pendawa Lima: Satu Kajian Intertekstualiti* pada tahun 1988. Rosnani Ripin juga melakukan kajian untuk Kertas Projek Sarjana di Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya yang bertajuk, *Mantera Dalam Masyarakat Melayu: Satu Kajian Intertekstualiti* pada tahun 2001.

Oleh yang demikian, melalui kajian terdahulu dan penyelidikan yang dilakukan oleh pengkaji, kajian terhadap genre pantun yang menggunakan teori intertekstualiti khususnya dengan tema pantun agama masih belum dilakukan.

1.5. Kerangka Teori.

Dalam kajian 'Konsep Alam Pantun Melayu: Analisis Intertekstualiti' ini, pengkaji telah memilih teori intertekstualiti untuk diaplikasikan terhadap genre puisi tradisional Melayu, iaitu pantun Melayu.

Teori ini dipilih adalah kerana pengkaji yakin bahawa bahawa teori ini relevan untuk tujuan pembuktian, iaitu teori intertekstualiti yang diaplikasikan terhadap kajian ini dianggap sesuai dan dominan. Ini merupakan suatu kewajaran yang boleh dilaksanakan.

Teori Intertekstualiti, menurut Mana Sikana (1990: 105) ialah berkonsepkan 'Dialogika' yang diperkenalkan oleh Mikhail Bakhtin (1926) dan diasaskan di Rusia yang kemudiannya dibawa ke Perancis. Seterusnya diaplikasikan oleh

Julia Kristeva dalam disertasi kedoktorannya, '*La revolution du Langage Poetique* (1974).

Julia Kristeva (1980:66), tidak lagi menggunakan istilah '*Dialogika*', sebaliknya menggunakan istilah 'Intertekstualiti' yang bermakna 'dalam sesebuah teks terdapat beberapa teks'.

Kristeva telah menggariskan beberapa prinsip intertekstualiti dalam hal menganalisis sesebuah karya sastera. Pertama, intertekstualiti yang menganalisis sesebuah karya berdasarkan struktur dalaman seperti tema, plot, watak dan bahasa. Kedua, menganalisis unsur luaran termasuk sejarah, agama, budaya dan sebagainya yang menjadi komposisi teks.

Ketiga, mengkaji perseimbangan antara aspek dalaman dan luaran dengan melihat tujuan kehadiran teks-teks luaran tersebut. Keempat, intertekstualiti menyebut sesebuah teks tercipta berdasarkan karya lain sewaktu menulis atau membaca.

Seseorang pengarang itu akan menghubungkan teks di hadapannya dengan teks-teks lain dan hubungan yang dimaksudkan itu akan melahirkan suatu pengertian, kefahaman, apresiasi, kekaguman atau penentangan.

Kelima, intertekstualiti menggalurkan pengertian teks, terutama yang hadir dalam sesebuah karya sastera dan pengertian itu tidak semata-mata bahan cerita tetapi juga menyentuh aspek bahasa.

Intertekstualiti menghargai pengambilan, kehadiran, dan kemasukan elemen luaran sama ada disedari atau tidak oleh pengarang yang menghasilkan karya (Mana Sikana,1990:110). Misalnya, agama dan kepercayaan juga

merupakan aspek-aspek luaran yang selalu hadir dalam sesebuah karya sastera. Kehadiran aspek-aspek tersebut bukan sahaja memberi warna kepada setiap karya yang dihasilkan tetapi kadangkala menjadi inti utama kepada karya tersebut (Mana Sikana: 1998:208).

Karya sastera dari kaca mata intertekstualiti merupakan interaksi daripada pelbagai sumber, ibarat lautan yang mengandungi pelbagai kehidupan dan khazanah yang tidak ternilai harganya. Oleh yang demikian maka berlakulah proses intertekstualiti apabila pengarang mencerna dan mengolah semua bahan tersebut untuk disatukan dalam karya.

Di sini ditegaskan bahawa tujuan pengarang melakukan pengambilan atau penyesuaian misalnya dalam genre pantun Melayu yang dijadikan bahan kajian, antara lain untuk menarik minat khalayak. Di samping itu adalah untuk menjelaskan pegangan pengarang dan selanjutnya intertekstualiti penting kepada pengarang bagi tujuan melakukan tafsiran baru serta berbeza daripada karya-karya yang dihasilkan oleh pengarang lain.

Todorov dan Kristeva mempunyai aliran yang sama, mereka menjelaskan bahawa dalam penciptaan karya sastera, wujud istilah 'Vraisemblable', iaitu bagaimana dunia imaginasi dan kreativiti dihubungkan dengan dunia realiti.

Di sinilah pengkaji melihat bahawa jenis pantun Melayu yang bertema atau berunsurkan agama itu bersesuaian untuk kajian intertekstualiti kerana pengaruh luaran yang meresap dalam pantun tersebut amat jelas kehadirannya.

Perlu ditegaskan bahawa prinsip-prinsip teori intertekstualiti akan dapat dimanfaatkan kerana kenyataan tentang wujud dialogika dalam proses penciptaan pantun mungkin dapat dibuktikan.

Perbincangan tentang kerangka teori intertekstualiti ini akan dibincangkan dengan lebih mendalam dalam bab ketiga.

1.6. Batas dan Bahan kajian.

Kajian disertasi ini akan tertumpu terhadap Pantun Melayu yang bertemakan atau berunsurkan agama sahaja dengan menggunakan teori Intertekstualiti. Jumlah pantun yang dikutip serta dipilih berjumlah seratus lima puluh rangkap sahaja kerana jumlah tersebut dijangka memadai untuk tujuan kajian dan hujahan yang boleh dijadikan model kepada pantun-pantun yang sama tema dengannya.

Bahan rujukan utama untuk kajian tersebut ialah buku, *Kumpulan Pantun Melayu* yang diselenggarakan oleh Zainal Abidin Bakar, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada tahun 1984. Beliau telah membuat klasifikasi berasaskan tema.

Oleh itu, pengkaji membatasi kajian dengan tumpuan kepada jenis pantun yang bertemakan agama serta jenis-jenis pantun lainnya yang dilihat mempunyai unsur-unsur agama di dalamnya. Sebanyak seratus lima puluh rangkap pantun empat kerat akan dijadikan bahan analisis dalam kajian ini.

Seperti yang telah dinyatakan bahawa buku tersebut dianggap sesuai untuk dijadikan bahan kajian kerana pantun-pantun yang terkumpul di dalamnya telah dikategorikan mengikut tema dan pengumpulan pantunnya pula merangkumi jenis pantun Melayu klasik dan moden. Kewajaran ini dianggap lebih bermanfaat dan memudahkan pengkaji melakukan penelitian.

Walaupun demikian, tulisan-tulisan yang membicarakan pantun serta puisi lama Melayu turut dimanfaatkan bagi tujuan memantapkan pengetahuan yang boleh dijadikan bandingan dalam penyelidikan. Antaranya buku yang bertajuk, *Pantun: Manifestasi Minda Masyarakat*, yang diselenggarakan oleh Wan Abdul Kadir Wan Yusof terbitan Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur tahun 1966.

Di dalam kajian ini pengkaji menggunakan teori yang diperkenalkan oleh Julia Kristeva, iaitu teori Intertekstualiti. Hal ini timbangkan oleh pengkaji atas alasan bahawa teori Intertekstualiti yang diguna dan dihurai oleh sarjana tersebut lebih jelas dan mudah difahami.

Teks-teks utama lainnya ialah *Terjemahan al-Quran* (Departemen Agama Republik Indonesia, Juz 1 - 30, Jakarta : CV Toha Putra, Semarang) tahun 1989, *Tafsir Al-Azhar* (Hamka, Juz 1 – 30, Jakarta, Yayasan Nurul Islam) tahun 1984, kitab *Terjemahan Hadith Shahih Muslim, Jilid I, II, III* (H.A. Razak dan Rais Lathief, Jakarta: Penerbit Pustaka Al-Husna, I/39 Kebon Sirih Barat, Indonesia tahun 1980, Dr. Wahbah al-Zuhaily, *Tafsir Al-Munir*, Shah Alam: Persatuan Ulama Malaysia, Intel Multimedia and Publication, Selangor tahun 2001.

Pengkaji mengambil kira bahawa kitab-kitab tasawuf lainnya juga mengulas hal yang sama dan sumbernya adalah dari sumber yang sama, iaitu dari al-Quran, al-Hadith serta kitab-kitab muktabar oleh para ulama terdahulu.

Bab-bab tumpuan yang diambil kira adalah bab-bab yang berkaitan dengan rukun iman, rukun Islam serta perkara-perkara yang bersangkutan dengan fardhu ain serta fardhu kifayah.

1.7. Metodologi Kajian.

Kajian disertasi ini adalah dengan menggunakan kaedah kepustakaan. Oleh yang demikian, pengkaji mendapatkan maklumat daripada pelbagai bahan rujukan. Pengkaji memanfaatkan buku-buku rujukan, latihan ilmiah, disertasi, jurnal, buku-buku, majalah atau dokumen-dokumen yang berkaitan bagi tujuan mendapatkan maklumat yang berkaitan.

Oleh itu, pengkaji telah melakukan kajian dengan mengunjungi beberapa buah perpustakaan bagi mendapatkan bahan. Antaranya:

- i. Perpustakaan Universiti Malaya.
- ii. Perpustakaan Za'ba, Universiti Malaya.
- iii. Perpustakaan Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- iv. Perpustakaan Negara.
- v. Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- vi. Perpustakaan ATMA, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- vii. Perpustakaan UiTM, Shah Alam, Selangor.
- viii. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia.

- ix. Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- x. Perpustakaan Daerah Muar, Johor.
- xi. Perpustakaan individu, milik Wan Said Wan Seman.
- xii. Melayari Laman Web di Internet.

Bahan-bahan rujukan yang diperolehi termasuklah buku-buku tentang Pantun Melayu, sama ada ditulis oleh sarjana tempatan, sarjana Indonesia serta sarjana Barat. Demikian juga hasil latihan ilmiah dan kertas kerja tentang pantun Melayu juga dikutip.

Dalam kaedah ini, pengkaji telah mengambil peluang untuk mencari maklumat melalui internet dan ini telah memberi suatu kelebihan kepada para pengkaji hari ini kerana dapat menyelamatkan masa dan tenaga.

Bagi tujuan pemantapan lagi, kehadiran pengkaji dalam beberapa seminar terutama seminar pantun yang tentunya menambahkan pengetahuan serta minat terhadap kajian ini. Pembentang kertas kerja seminar yang terdiri daripada para sarjana memberi banyak manfaat dan bermakna kepada kajian.

Bahan-bahan tambahan, iaitu tulisan-tulisan yang tersiar dalam majalah *Dewan Sastera*, *Dewan Bahasa* dan *Dewan Budaya* serta akhbar harian, iaitu sudut Sastera dan Budaya yang menyentuh genre pantun turut dikutip dan dimanfaatkan.

Di samping itu, pengkaji juga menggunakan kaedah pemerhatian, iaitu menghadiri pesta pertandingan pantun oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Melihat persembahan Dondang Sayang dan Joget Lambak di Melaka yang menjadikan pantun sebagai komponen utama dalam nyanyiannya.